

BULETIN ICT

NEGERI MELAKA

EDISI BULAN MAC 2014



Google

TOKOH

FOKUS

- 8 Apakah itu Google?
- 8 10 Fakta Menarik Google
- 8 Lima Produk Google Paling Popular



**Larry Page
&
Sergey Brin**

Pengasas Bersama
GOOGLE

INFORMASI

- 8 Produk Google 'Terkubur'
- 8 Produk Milik Google Yang Jarang Diketahui
- 8 Ciri Khas Carian Google
- 8 Kenali Google Glass dan Chromecast

MAC 2014



Penerbitan:



Bahagian K-Ekonomi
Jabatan Ketua Menteri Melaka

Perutusan Ketua ICT Negeri Melaka

BISMILLAHIRAHMANNIRAHIM
Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera



Google pada satu masa dahulu merupakan satu jenama, telah menjadi satu istilah umum dalam masyarakat siber, di mana istilah ini merujuk kepada perbuatan melakukan carian sesuatu maklumat. Perkataan Google boleh dirumuskan berasal daripada perkataan Googol, yang bermaksud satu jumlah angka yang besar, angka ini bermula dengan nombor 1 dan dituruti dengan seratus 0. Perkataan Google ini berpunca dari kesilapan sewaktu mendaftarkan nama domain syarikat, yang diniatkan ialah Google, tetapi ianya didaftarkan dengan nama Google pada 15 September 1997.

Jenama Google ini juga amat sinonim dengan enjin carian, yang sewaktu diperkenalkan dikenali dengan nama BackRub. Kini Google telah berkembang pesat dengan penawaran pelbagai perkhidmatan, ada yang dibina sendiri oleh mereka dan banyak yang dimiliki melalui pengambilalihan syarikat. Antara perkhidmatan yang ditawarkan ialah penyedia perkhid-

matan internet, email, video, penstoran, pengurusan dan suntingan gambar, pelayar internet, komunikasi teks, media sosial, blog, telefon pintar, dan pembuatan peranti alat komunikasi.

Perkembangan dan pertambahan perkhidmatan oleh Google ini semakin meningkat dan dominasi Google ini dalam dunia internet makin ketara. Google juga bukan penyedia perkhidmatan yang pertama, tetapi boleh dianggap sebagai syarikat baru, namun mampu mengatasi pelbagai syarikat yang terdahulu seperti Yahoo!, Excite, Microsoft dan sebagainya.

Model perniagaan Google ini juga merangkumi beberapa tahap, bermula dengan perkhidmatan percuma hinggalah perkhidmatan berbayar. Namun keuntungan paling tinggi Google ini adalah dijana daripada pengiklanan. Isu privasi pula menjadi perbualan umum terutamanya untuk projek pemprofilan individu yang dibangunkan oleh Google, di mana setiap amalan seseorang individu menggunakan internet dan maklumat yang dimuat naik atau dimuat turun akan dianalisa dan sistem berkenaan mampu mengenali seseorang individu.

Dr. Mohamed Sulaiman Sultan Suhaibuddeen
Ketua ICT Negeri Melaka @ Ketua Editor

ISI KANDUNGAN

FOKUS

Apakah itu Google?	4
10 Fakta Menarik Mengenai Google	5
Kenali Produk Google Yang Terkenal	6-7

TOKOH

Pengasas Bersama Google	8-9
-------------------------	-----

INFORMASI

Produk Google Yang Telah 'Terkubur'	10
Ciri-ciri Khas Carian Google	11
Produk Google Yang Jarang Diketahui	12
Kenali Google Glass	13
Kenali Chromecast	13

PROGRAM

Senarai Program ICT Mac 2014	14
Gambar Pelaksanaan Program ICT	15
Senarai Produk Milik Google	16

Penaung
Y.A.B Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron
Ketua Menteri Melaka

Penasihat
YB Datuk Wira Hj. Naim bin Abu Bakar
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Ketua Editor
Dr. Mohamed Sulaiman bin Sultan
Suhaibuddeen
Ketua ICT Negeri Melaka

Editor
Muaz bin Ghazali

Sumbangan Bahan
Bahagian K-Ekonomi, Jabatan Ketua Menteri Melaka

Penerbit & Percetakan
Bahagian K-Ekonomi,
Inkubator K-Ekonomi, Jln Business City,
Bandar MITC, Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh, Melaka.
No.Tel : 06-2324425/4436
No.Faks : 06-2331460
Laman Web : <http://www.emelaka.gov.my>

Hak Cipta Terpelihara | Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian K-Ekonomi. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Bahagian K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka tidak akan bertanggungjawab sekiranya maklumat di dalam Buletin ini menyebabkan kerugian kepada para pembaca kerana maklumat yang disampaikan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian Bahagian K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka.



Lawatan Kerja Operasi Pengepaman Air Mentah



Persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka



Majlis Pecah Tanah Pusat Kecemerlangan Teknologi Nasional



Majlis Pengumuman Keputusan SPM Peringkat Negeri

Ikuti Perkembangan
Y.A.B Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron

[f Idris Haron](#) twitter.com/idrisharon66



Majlis Penyerahan Zakat Korporat di Pejabat TYT



Majlis Ramah Mesra Pemimpin Masyarakat


Apakah itu Google

PENGENALAN

Google merupakan syarikat multinasional yang berpangkalan di Amerika Syarikat diasaskan oleh Larry Page dan Sergey Brin. Fokus syarikat ini adalah kepada produk dan perkhidmatan yang berasaskan Internet. Namun, Google juga sangat dikenali sebagai sebuah enjin carian yang paling popular digunakan di dunia. Enjin carian Google juga boleh diibaratkan sebagai pintu kepada segala maklumat yang ada di Internet iaitu medium utama kepada penyampaian, penerimaan dan pencarian maklumat di Internet.

Kesan penggunaan enjin carian Google kepada masyarakat dunia pula amat besar impaknya di mana Google telah mengubah cara maklumat diperolehi pada masa kini. Kejayaan Google pada hari ini adalah bermula pada enjin carian yang dapat menghimpunkan maklumat dan carian yang berkesan serta tepat kepada pengguna. Kejayaan ini ditambah pula dengan kehadiran produk-produk yang hebat keluaran syarikat Google yang merangkumi setiap aspek penting penggunaan pengguna di dunia.

ENJIN CARIAN



Antaramuka Enjin Carian Google

Sejarah permulaan enjin carian Google bermula di Universiti Stanford yang menemukan dua pelajar iaitu Larry Page dan Sergey Brin yang sedang melanjutkan pelajaran dalam peringkat PhD ketika itu. Perkenalan dan persahabatan antara mereka berdua telah membawa kepada pembangunan enjin carian yang merupakan projek penyelidikan mereka ketika itu. Enjin carian mereka menggunakan teknologi algoritma *PageRank* yang diambil sempena nama Larry Page yang mampu menentukan kedudukan sesuatu laman sesawang. Melihat kepada keberkesanan pencarian oleh enjin carian yang dibangunkan, mereka menamakan enjin carian mereka dengan nama Google yang berasal daripada kesalahan ejaan perkataan "Googol".

Google mulanya beroperasi di bawah laman sesawang Universiti Stanford dengan nama domain *google.stanford.edu* dan *z.stanford.edu* namun pada 15 September 1997, mereka mendaftarkan nama domain Google sendiri. Laman Google telah pun melepasi angka 1 bilion pengguna unik bulanan pada Mei 2011 dan terus meningkat sejak daripada itu. Menurut *Alexa.com* pula, laman *Google.com* merupakan laman yang paling popular dilawati di dunia diikuti dengan laman *Facebook.com* di tempat kedua manakala laman *Youtube.com* pula merupakan laman ketiga paling popular dilawati di dunia.

SYARIKAT

Syarikat Google diasaskan juga oleh Larry Page dan Sergey Brin selepas membangunkan enjin carian Google. Syarikat ini ditubuhkan pada 4 September 1998 selepas pengasas bersama syarikat Sun Microsystems iaitu Andy Bechtolsheim menulis cek sebanyak RM326,000 (USD 100,000) kepada mereka.

Syarikat yang kini dipimpin oleh Larry Page selaku Ketua Pegawai Eksekutif merupakan antara jenama yang paling terkenal dan berpengaruh di dunia menurut *Forbes.com*. Ibu pejabat korporat bagi Google terletak di California, Amerika Syarikat yang juga dikenali sebagai Googleplex manakala jumlah pekerja yang dimiliki oleh syarikat Google sehingga suku tahun keempat 2013 di seluruh dunia melebihi 47,000 orang.



Ibu Pejabat Google, Googleplex

PEMBELIAN DAN PEMILIKAN

Umum diketahui bahawa produk utama bagi syarikat Google adalah pada enjin carian mereka, namun sejak dari tahun 2001, Google telah banyak melakukan pembelian dan memiliki pelbagai syarikat dalam mengukuhkan perjalanan syarikat Google di pasaran dunia selain teknologi yang dimiliki syarikat yang dibeli digunakan bagi pembangunan produk yang berkualiti. Pemilikan terkini dilakukan oleh Google adalah membeli syarikat yang membangunkan perisian Waze pada Jun 2013. Selain itu, Google juga telah memiliki Android (2005), YouTube (2006), DoubleClick (2007), Motorola Mobility (2011) dan Quickoffice (2012).

10 FAKTA MENARIK MENGENAI GOOGLE

Sumber: Wikipedia.org, infolab.stanford.edu, mashable.com, www.huffingtonpost.com

- Sebelum lahirnya nama Google, projek penyelidikan enjin carian yang dibangunkan Larry Page dan Sergey Brin dipanggil **BackRub**.
- Storan komputer pertama yang digunakan oleh Larry Page dan Sergey Brin untuk menguji algoritma *PageRank* adalah dibina menggunakan LEGO.
- Berikut merupakan tweet pertama Google yang bermaksud, "I'm Feeling Lucky".
- Jika anda menaip "Google in 1998" pada ruangan carian di Google, anda akan dibawa kepada versi retro laman Google. Namun, laman tersebut tidak berfungsi dalam versi retro apabila digunakan di mana ia akan membawa pengguna ke versi semasa semula.
- Jika anda bosan semasa menggunakan enjin carian Google, sila tapi "Zerg Rush" pada ruangan carian, anda akan disajikan dengan permainan yang memerlukan anda memusnahkan musuh yang berbentuk O.
- Butang **I'm Feeling Lucky** yang jarang sekali digunakan oleh pengguna boleh mengakibatkan Google kehilangan sebanyak RM 360 juta setahun pendapatan pengiklanan sekiranya butang tersebut dihapuskan.
- Tahukah anda bahawa pengasas bersama Google iaitu Larry Page dan Sergey Brin pada awalnya tidak mempunyai pengetahuan yang baik dalam HTML. Kesannya adalah antara muka utama Google pada asalnya adalah sangat biasa.
- Google mengindeks sebanyak 26 juta laman sesawang (*web page*) semasa ia dilancarkan pada tahun 1998. Pada tahun 2013 pula, Google telah mengindeks lebih 60 trilion laman sesawang.
- Pekerja baru di Google dipanggil Nooglers dan mereka harus memakai topi Beanie pada hari Jumaat pertama mereka.
- Google Doodle pertama dilancarkan pada tahun 1998.

KENALI LIMA PRODUK MILIK GOOGLE YANG TERKENAL

GOOGLE SEARCH

Google Search adalah satu perkhidmatan enjin carian yang paling popular digunakan di dunia. Google Search adalah segalanya bagi syarikat Google kerana enjin carian ini adalah produk pertama dan utama bagi syarikat Google yang diasaskan oleh Larry Page dan Sergey Brin yang juga membangunkan bersama Google Search pada tahun 1997.

Kejayaan enjin carian ini adalah disebabkan pembangunan algoritma yang dipanggil *PageRank* yang membantu dalam menentukan kedudukan laman sesawang yang sepadan dengan kata carian. Namun kini terdapat pelbagai algoritma digunakan oleh Google dalam menjadikan enjin carian mereka paling popular di kalangan pengguna Internet. Namun selain keupayaan untuk pencarian perkataan, Google Search juga mempunyai sekurang-kurangnya 22 fungsi istimewa yang boleh digunakan sekiranya pengguna menggunakan pelbagai *trigger words* dalam pencarian yang boleh memberikan hasil carian yang khusus antaranya mengenai cuaca, masa, peta, waktu tayangan filem di panggung dan jadual penerbangan.

Selain pencarian laman sesawang, Google Search juga menyediakan perkhidmatan lain antaranya perkhidmatan pencarian gambar, video, peta, berita, buku dan penerbangan. Bagi pengguna dunia, Google Search boleh dilayari di <http://www.google.com> namun bagi pengguna di Malaysia, boleh menggunakan alamat <http://www.google.com.my> bagi kemudahan pencarian maklumat di dalam negara. Antara persainan utama bagi enjin carian Google ketika ini adalah enjin pencarian Baidu (China), Naver (Korea Selatan), Yandex (Rusia) Yahoo! dan juga Bing.

GMAIL

Gmail adalah perkhidmatan email yang disediakan oleh Google dan ia adalah sebuah perkhidmatan yang percuma digunakan oleh pengguna. Idea pembangunan Google adalah datang daripada Rajen Sheth semasa sesi temubual beliau bersama Eric Schimdt pada tahun 2004. Namun cadangan pembangunan Gmail ini pada mulanya ditolak oleh Eric Schimdt yang berpendapat bahawa fokus Google hanya pada pencarian laman sesawang, tetapi cadangan tersebut pada akhirnya diterima dan dibangunkan oleh pembangun Google iaitu Pail Buchheit.

Gmail pada awalnya bermula hanya sebagai satu jemputan sahaja bagi keluaran beta pada 1 April 2004, dan secara rasminya ditawarkan kepada penggunaan umum pada 7 Julai 2009. Populariti Gmail ketika mula digunakan mendapat sambutan yang begitu menggalakkan di mana ruangan storan yang ditawarkan oleh Gmail pada mulanya adalah sebanyak 1GB bagi seorang pengguna mengatasi pesaing mereka seperti Hotmail yang hanya menawarkan ruangan storan sebanyak 2 MB hingga 4 MB pada ketika itu. Perkhidmatan Gmail boleh dilayari di alamat <https://mail.google.com> dan menurut laporan The Verge pada 28 Jun 2012, Gmail mempunyai lebih 425 juta pengguna aktif yang menjadikannya sebagai perkhidmatan email berasaskan sesawang paling popular digunakan di dunia.

ANDROID

Android adalah sejenis sistem pengoperasian yang berasaskan kepada Linux kernel yang dibangunkan secara khususnya untuk telefon pintar dan tablet. Android pada mulanya dibangunkan oleh syarikat Android di mana Google membantu dalam soal kewangan dan kemudiannya dibeli oleh Google pada tahun 2005. Android diperkenalkan kepada pada tahun 2007 dan telefon pintar berasaskan sistem pengoperasin Android yang pertama dikeluarkan adalah HTC Dream pada 22 Oktober 2008. Kod Sumber Android dikeluarkan oleh Google di bawah Lesen Apache yang membenarkan perisian secara bebasnya diubahsuai dan diedarkan oleh pembangun, pengeluar peranti dan wireless carriers.

Sehingga hari ini, Android merupakan sistem pengoperasian mudah alih yang paling popular di kalangan pengguna dunia mengatasi sistem pengoperasian mudah alih keluaran syarikat Apple, Microsoft dan juga BlackBerry. Android kini mempunyai pelbagai versi yang sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa bagi memberikan kepuasan kepada pengguna. Versi Android yang pertama iaitu Android 1.0 dikeluarkan pada September 2008 namun sejak April 2009, setiap kemaskini pada versi Android diberikan kod nama yang mengikut abjad. Versi yang terkini adalah Android 4.4 yang diberi nama KitKat. Menurut laman Phandroid.com, pada September 2013 yang lalu, Google telah mengumumkan bahawa peranti Android telah berjaya diaktifkan sebanyak 1 bilion unit.

YOUTUBE



YouTube adalah sebuah laman perkongsian video paling popular di dunia yang dibeli oleh Google pada November 2006 dengan harga sebanyak RM5.38 bilion. YouTube dibangunkan pada Februari 2005 oleh tiga bekas pekerja PayPal di mana laman ini menyediakan perkhidmatan kepada pengguna untuk memuatnaik, melayari dan berkongsi video. YouTube menggunakan perisian Adobe Flash Video dan teknologi HTML5 untuk memaparkan kandungan video yang meliputi klip video, klip TV, video muzik dan apa jenis kandungan video yang dikongsikan oleh pengguna.

Video pertama yang dimuatnaik ke dalam YouTube pada 23 April 2005 dengan tajuk "*Me at the zoo*" yang masih boleh dilayari sehingga ke hari ini di mana video selama 18 saat itu turut memaparkan pengasas bersama YouTube iaitu Jawed Karim di dalam video tersebut. Menurut Alexa.com, sehingga Mac 2014, laman YouTube merupakan laman yang ketiga paling dilawati di dunia diikuti laman Google dan Facebook. YouTube kini beroperasi sebagai sebuah anak syarikat kepada Google.

GOOGLE CHROME



Google Chrome adalah pelayar sesawang yang dibangunkan oleh Google dan ditawarkan secara percuma kepada pengguna. Aplikasi ini dikeluarkan secara rasmi pada 2 September 2008 sebagai versi beta bagi pengguna Microsoft Windows. Pembangunan aplikasi ini bermula apabila Larry Page dan Sergey Brin mengambil beberapa pembangun pelayar sesawang Mozilla Firefox bekerja bagi membangunkan Chrome untuk ditunjukkan kepada Eric Schmidt, CEO Google ketika itu bagi meyakinkan beliau akan aplikasi Google Chrome ini.

Menurut StatCounter, sehingga Februari 2014, pelayar sesawang Google Chrome adalah pelayar sesawang yang paling popular digunakan di dunia bagi pengguna desktop iaitu sebanyak 46.77% pengguna Internet dunia mengatasi Internet Explorer (24.32%), Mozilla Firefox (20.76%), Safari (5.01%) dan Opera (1.38%). Penggunaan Chrome tidak hanya terhad kepada pengguna Windows sahaja kerana aplikasi ini boleh digunakan bagi pengguna OS X, Linux, Android dan iOS.



Larry Page & Sergey Brin

PENGASAS BERSAMA GOOGLE

Syarikat terkemuka dunia yang diasaskan pada tahun 1998 iaitu Google telah ditubuhkan oleh Larry Page dan Sergey Brin iaitu dua individu yang merupakan kenalan semasa melanjutkan pengajian di peringkat PhD di Universiti Stanford. Bermula hanya dengan sebuah produk iaitu enjin carian, mereka terus mengukuhkan kedudukan syarikat Google yang kini disenaraikan di kedudukan **KELIMA** bagi jenama paling bernilai di dunia oleh Forbes.com



LARRY PAGE

Lawrence Page atau lebih dikenali sebagai Larry Page adalah pengasas bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif bagi syarikat Google yang bertanggungjawab dalam urusan operasi seharian di Google serta menerajui pembangunan produk dan strategi teknologi syarikat. Larry Page dilahirkan di Michigan, Amerika Syarikat pada 26 Mac 1973. Ibu bapa beliau merupakan individu yang mempunyai latar belakang sains komputer di mana ayahnya, Carl Page dan ibunya, Gloria merupakan tenaga pengajar dalam bidang sains komputer di *Michigan State University*.

KEHIDUPAN AWAL

Dilahirkan dalam keluarga yang meminati bidang sains komputer sudah tentu memberi kesan kepada perkembangan kehidupan Larry Page. Beliau memulakan persekolahan di *Okemos Montessori School* dari tahun 1975 hingga 1979 dan menghabiskan pembelajarannya di *East Lansing High School* pada tahun 1991 sebelum melanjutkan pengajiannya di Universiti Michigan dalam bidang kejuruteraan komputer dan mendapat ijazah sarjana sains dalam bidang sains komputer di Universiti Stanford. Beliau seterusnya melanjutkan pengajian ke peringkat PhD juga di Universiti Stanford di mana beliau mula menjalankan projek pertama beliau dalam menganalisis corak hubungan antara pelbagai laman web di *World Wide Web*. Di universiti ini juga Larry Page telah bertemu dengan Sergey Brin pada Mac 1995 dan menjemput beliau menyertai projeknya.

PERMULAAN GOOGLE

Internet dan *World Wide Web* menjadi kuasa utama dalam bidang telekomunikasi ketika Larry Page di Universiti Stanford. Larry Page mahu merangka satu kaedah untuk menentukan jumlah laman web yang berkaitan dengan laman web yang lain dan mendapati bahawa dengan menentukan kedudukan sesuatu laman web itu melalui bilangan pautan daripada laman web lain kepada laman web berkenaan merupakan suatu kaedah yang lebih relevan dan berguna kepada kriteria pencarian oleh pengguna. Beliau seterusnya menjemput rakan kelasnya iaitu Sergey Brin yang merupakan seorang pakar dalam bidang perlombongan data (*data mining*) menyertai projek penyelidikan beliau. Larry Page dan Sergey Brin kemudiannya membangunkan sebuah algoritma yang dipanggil *PageRank* dan mendapati bahawa ia boleh digunakan untuk membangunkan sebuah enjin carian yang lebih hebat daripada enjin carian semasa ketika itu.

Enjin carian mereka mampu untuk menyenaraikan carian mengikut populariti halaman selepas mereka mendapati bahawa carian yang paling popular sering menjadi carian yang paling berguna. Mereka pada mulanya menamakan enjin carian mereka sebagai googol namun menukarnya kepada nama Google sehingga ke hari ini. Googol adalah merupakan terma matematik iaitu digit 1 yang diikuti dengan 100 sifar. Mereka telah mendaftarkan nama domain Google.com pada tahun 1997.

KERJAYA

Selepas penubuhan syarikat Google pada tahun 1998, Larry Page telah menangguhkan pengajian PhD beliau untuk memberikan penumpuan kepada perniagaan syarikat Google. Pada mulanya, Larry Page telah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif syarikat Google bermula pada tahun 1998 sehingga tahun 2001 dan menjadi Presiden kepada produk Google pada tahun 2001 sehingga tahun 2011 sebelum kembali menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Google dari tahun 2011 sehingga ke hari ini. Menjadi pengasas bersama dan juga Ketua Pegawai Eksekutif bagi sebuah syarikat terkemuka seperti Google telah menjadi Larry Page sebagai seorang jutawan dengan memiliki kekayaan sebanyak RM 105.8 bilion menurut Forbes.com

SERGEY BRIN

Sergey Mikhaylovich Brin atau lebih dikenali sebagai Sergey Brin adalah pengasas bersama Google yang berhijrah ke Amerika Syarikat bersama keluarganya semasa beliau berusia 6 tahun. Beliau dilahirkan di Moscow, Rusia pada 21 Ogos 1973. Anak kepada Michael Brin dan Eugenia Brin ini dilahirkan dalam suasana negara yang tidak stabil ketika itu yang menyebabkan mereka terpaksa berhijrah ke Amerika Syarikat.



PEMBELAJARAN

Di Amerika Syarikat, Sergey Brin memulakan pembelajarannya di *Paint Branch Montessori School* yang terletak di Adelphi, Maryland. Seterusnya beliau meneruskan pembelajaran di *Eleanor Roosevelt High School* di Greenbelt, Maryland dan pada tahun 1990, beliau melanjutkan pembelajaran di Universiti Maryland dalam bidang matematik dan komputer dan menamatkan pengajian di situ pada tahun 1993. Kemudian beliau meneruskan pengajian ke peringkat siswazah dalam bidang sains komputer di Universiti Stanford.

PEMBANGUNAN ENJIN CARIAN

Beliau mula mengenali Larry Page ketika waktu orientasi bagi pelajar baru di Universiti Stanford. Menurut beliau di awal perkenalan dengan Larry Page, tidak ada persefahaman dalam pelbagai perkara namun setelah menghabiskan masa bersama, mereka menjadi rapat dan rakan baik sehingga ke hari ini. Dalam membangunkan sebuah enjin carian yang mampu menyenaraikan carian paling popular dengan kaedah pautan daripada laman web lain, fokus Sergey Brin dalam pembangunan ini adalah dari aspek membangunkan sistem perlombongan data. Seterusnya Sergey Brin dan Larry Page telah bekerjasama menjadi pengarang bersama bagi kertas yang bertajuk "*The Anatomy of a Large-Scale Hypertextual Web Search Engine*".

Mereka kemudiannya menguji reka bentuk enjin carian ciptaan mereka di web dan projek mereka ini berkembang dengan cepat sehingga dapat menimbulkan masalah kepada infrastruktur pengkomputeran Universiti Stanford ketika itu. Melihat kepada kejayaan membangunkan enjin carian ini, mereka menangguhkan pengajian PhD mereka untuk memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pembangunan enjin carian yang menjadi sangat terkenal sehingga ke hari ini.

KERJAYA

Bersama-sama dengan Larry Page, mereka telah mengasaskan syarikat Google pada tahun 1998. Bermula pada tahun 2001 sehingga tahun 2011, Sergey Brin telah menjawat jawatan sebagai Presiden Teknologi Google dan kini beliau mengarahkan projek khas bagi syarikat Google. Menurut Forbes.com, beliau merupakan individu ke-19 paling kaya di dunia dengan memiliki kekayaan sebanyak RM 104.2 bilion sehingga Mac 2014.

Sumber: Google.com, Wikipedia.org, www.achievement.org, Forbes.com, www.biography.com

PRODUK GOOGLE YANG TELAH ‘TERKUBUR’

Google menghasilkan pelbagai produk mengikut keperluan semasa dan kehendak pengguna. Google juga sedia menamatkan produk milik mereka yang dirasakan tiada keperluan dan tidak sesuai mengikut arus masa. Berikut merupakan antara produk Google yang ditamatkan perkhidmatannya.

Sumber: Wikipedia.org, googleblog.blogspot.com, support.google.com

Google Answers

Ditamatkan pada 1 Disember 2006

Pengguna boleh mengajukan pertanyaan kepada Google Answers dan menentukan jumlah bayaran yang sanggup dibayar kepada jawapan yang diperlukan.

Google Buzz

Ditamatkan pada 15 Disember 2011

Dibangunkan oleh Google sebagai satu rangkaian sosial, *microblogging* dan alat permesejan yang diintegrasikan dalam program emel berasaskan web iaitu Gmail.

Knol

Ditamatkan pada 1 Mei 2012

Knol adalah sebuah projek Google yang dilancarkan pada tahun 2007 sebagai satu kaedah kepada penulis untuk bekerja bersama-sama dalam menghasilkan artikel yang berwibawa mengenai topik-topik khusus yang mereka ketahui.

Google Latitude

Ditamatkan pada 9 Ogos 2013

Satu aplikasi yang dibangunkan oleh Google sebagai satu ciri dalam Google Maps iaitu *location-aware* yang hadir sebagai pengganti kepada aplikasi Dodgeball iaitu satu perkhidmatan yang mempunyai fungsi yang sama tetapi berasaskan SMS.

iGoogle

Ditamatkan pada 1 November 2013

iGoogle adalah sebuah portal web peribadi berasaskan teknologi Ajax yang dilancarkan oleh Google pada tahun 2005. Perkhidmatan iGoogle diberhentikan kerana pada zaman moden ini banyak aplikasi menggunakan landasan seperti Chrome dan Android dan mereka melihat perkembangan ini telah mengahakis keperluan perkhidmatan iGoogle.

Google Reader

Ditamatkan pada 1 Julai 2013

Google Reader adalah sebuah *RSS/Atom feed aggregator* yang telah dilancarkan oleh Google pada tahun 2005 sebagai satu usaha untuk memudahkan pengguna menerokai dan menyimpan tab mengenai laman sesawang pilihan mereka.

Google Health

Ditamatkan pada 1 Januari 2013

Google Health dibangunkan dengan matlamat untuk mengwujudkan satu perkhidmatan yang memberikan akses kepada pengguna mengenai maklumat kesihatan peribadi mereka.

picnik

Ditamatkan pada 19 April 2013

Picnik adalah sebuah perkhidmatan penyuntingan gambar atas talian yang diambil alih oleh pihak Google pada 1 Mac 2010. Ia membolehkan pengguna untuk menyunting gambar, menambahkan gaya kepada gambar yang telah dimuat naik, dan menyediakan perkhidmatan penyuntingan asas seperti *cropping* dan *resizing*.

Google Desktop

Ditamatkan pada 14 September 2011

Google Desktop adalah aplikasi yang dibangunkan Google untuk memberikan kemudahan kepada pengguna dalam melakukan pencarian emel, fail, muzik, gambar dan laman sesawang dari komputer peribadi mereka sendiri.

Google Sidewiki

Ditamatkan pada 5 Disember 2011

Google Sidewiki dilancarkan oleh Google pada September 2009 adalah pelayar lanjutan (*browser extension*) yang membolehkan pengguna log masuk akaun Google untuk membuat dan melihat komen tentang laman sesawang yang terpapar di *sidebar*.

CIRI-CIRI KHAS CARIAN DI GOOGLE

Enjin carian Google memberi kemudahan kepada pengguna dengan menyediakan ciri-ciri khas atau dipanggil ‘*trigger words*’ di mana apabila ‘*trigger words*’ ini digunakan di dalam pencarian, satu fungsi atau akses mudah disediakan kepada pengguna.

1. Cuaca | “weather”

Pengguna boleh mendapatkan keadaan cuaca di sesua-tu tempat dengan menaip perkataan ‘**weather**’ diikuti dengan nama tempat.

Contoh:



2. Definisi | “define”

Untuk mencari maksud untuk sesuatu perkataan, anda boleh menaip perkataan ‘**define**’, diikuti perkataan yang ingin dicari maksudnya

Contoh:



3. Penukaran Unit

Pengguna boleh menukarkan unit kepada unit yang lain.


Contoh:



4. Kalkulator

Google search juga boleh menjadi kalkulator di mana pengguna hanya perlu menaip pengiraan di carian


Contoh:



5. Jadual Penerbangan | “flight”

Pengguna juga boleh mengetahui jadual penerbangan untuk sesuatu tempat dengan menaip ‘**flight from**’ atau ‘**flight to**’ kemudian diikuti dengan nama bandar atau nama lapangan terbang.

Contoh:



Terdapat pelbagai ‘*trigger words*’ yang boleh digunakan untuk memudahkan pengguna melakukan pencarian di Google. Antara carian khas yang boleh dilakukan menggunakan enjin carian Google ialah:

1. Waktu semasa | Cth:
2. Tayangan Filem | Cth:
3. Mata Wang | Cth:
4. Laporan Sukan | Cth:

Sumber: Wikipedia.org, Google.com

TAHUKAH ANDA PRODUK INI ADALAH MILIK GOOGLE ?

Sumber: Wikipedia.org, googleblog.blogspot.com, googlepress.blogspot.com

PANORAMIO

Panoramio adalah sebuah laman sesawang yang berpangkalan di Sepanyol yang menghubungkan jutaan gambar dengan lokasi geografi yang tepat iaitu tempat di mana gambar berkenaan diambil. Panoramio juga membolehkan jurugambar digital *geolocate*, menyimpan dan menyusun gambar-gambar mereka seterusnya membolehkan mereka melihat gambar-gambar berkenaan di Google Earth dan Google Maps.



Laman Panoramio diusahakan oleh Joaquín Cuenca Abela dan Eduardo Manchón Aguilar yang secara rasminya dilancarkan pada 3 Oktober 2005. Google telah membeli Panoramio pada Julai 2007 yang beribu pejabat di Zurich, salah sebuah pejabat Google di Switzerland.

DART



Dart adalah sejenis bahasa pengaturcaraan web berasaskan sumber terbuka yang dibangunkan oleh Google dan diperkenalkan semasa persidangan GOTO di Aarhus pada Oktober 2011. Tujuan pembangunan bahasa pengaturcaraan Dart ini adalah untuk menggantikan bahasa pengaturcaraan JavaScript yang telah menjadi bahasa utama kepada pembangunan web.

Projek pembangunan bahasa pengaturcaraan Dart ini diasaskan oleh Lars Bak dan Kasper Lund. Pengguna yang mempunyai pengalaman menggunakan bahasa pengaturcaraan Java dan C++ mungkin tidak mempunyai masalah besar dalam penggunaan bahasa Dart yang berorientasikan objek.

reCAPTCHA



reCAPTCHA adalah sebuah perkhidmatan CAPTCHA yang dapat membantu mendigitalkan buku, akhbar dan rancangan radio lama dengan menghantar perkataan dalam bentuk CAPTCHA yang tidak boleh dibaca oleh komputer namun boleh ditafsir oleh manusia. CAPTCHA adalah sebuah program yang boleh menjana dan melakukan ujian di mana manusia mampu melepaskannya tidak seperti program komputer (*bot*).

Secara ringkasnya, CAPTCHA adalah program yang berupaya memberitahu samada seorang pengguna itu adalah manusia atau komputer. Terma CAPTCHA iaitu *Completely Automated Public Turing Test To Tell Computers and Humans Apart* dicipta oleh Luis von Ahn, Manuel Blum, Nicholas Hopper dan John Langford di *Carnegie Mellon University* pada tahun 2000 yang mulanya dibangunkan untuk digunakan oleh Yahoo!. reCAPTCHA telah diambil alih oleh syarikat Google pada September 2009.

ORKUT



Orkut adalah sebuah laman rangkaian sosial yang dibangunkan oleh jurutera Google, Orkut Büyükkökten yang kini dimiliki dan dijalankan oleh Google. Orkut adalah laman sesawang yang paling dilawati di negara Brazil dan India. Menurut Alexa.com, sehingga 17 Mac 2014 sebanyak 47% trafik pengguna datangnya daripada negara Brazil. Oleh kerana itu, pihak Google mengambil keputusan untuk menguruskan dan menjalankan Orkut sepenuhnya di Google Brazil. Pengumuman tersebut dibuat pada Ogos 2008 selepas melihat kepada sebahagian besar pengguna Orkut datangnya daripada Brazil.

PICASA

Picasa adalah aplikasi yang dicipta oleh sebuah syarikat bernama Lifescape pada tahun 2002 yang memberikan perkhidmatan untuk mengurus, memapar dan menyunting gambar serta laman perkongsian gambar yang telah dimiliki oleh Google sejak daripada tahun 2004. Picasa dapat digunakan pada sistem pengoperasian Windows, Linux dan Mac OS X namun versi Picasa bagi pengguna Linux tidak lagi diselenggarakan oleh pihak Google sejak 20 April 2012.



GOOGLE GLASS Produk Masa Hadapan

Sumber: Wikipedia.org, support.google.com



Google Glass adalah peranti ataupun komputer yang boleh dipakai seperti sebuah cermin mata yang dibangunkan oleh Google. Google Glass dilihat sebagai satu evolusi kepada telefon pintar pada masa hadapan di mana ia memungkinkan pengguna untuk mengakses data tanpa perlu melihat kepada peranti yang dipegang tangan.

Peranti ini masih dalam peringkat pengujian yang bermula pada tahun 2013 di mana Google Glass Edisi Explorer telah disediakan untuk pengujian kepada pengguna dan pembangun bermula pada April 2013 dengan bayaran sebanyak RM4920 (USD 1500) dikenakan kepada mereka yang terpilih untuk menguji Google Glass Edisi Explorer. Menurut Google, Google Glass untuk tujuan komersial pula akan dilancarkan pada tahun ini iaitu 2014 dengan harga yang ditawarkan lebih rendah daripada edisi Explorer.

RINGKASAN SPESIFIKASI

SISTEM OPERASI	Android 4.0.4
KAMERA	5 Megapixels
VIDEO	720p
STORAN	16 GB
RAM	1 GB
Touchpad, WiFi, Bluetooth	



CHROMECAST Alternatif Untuk TV Pintar

Sumber: Wikipedia.org, support.google.com

Chromecast adalah sebuah alat pemain media digital bersaiz sebesar ibu jari yang dibangunkan oleh Google yang membolehkan sebuah televisyen biasa berfungsi seperti sebuah televisyen pintar. Untuk membolehkan peranti yang bersaiz 2.83 inci ini berfungsi, ia harus dipasangkan ke dalam port HDMI pada televisyen anda. Melalui telefon pintar, tablet atau komputer riba, muat turun aplikasi yang berkaitan dan setiap kandungan media digital pilihan pengguna boleh dihantar kepada televisyen dengan mudahnya. Selain itu, kandungan media digital juga boleh dilihat pada televisyen anda melalui penggunaan pelayar sesawang Google Chrome setelah Chromecast dipasangkan pada port HDMI.

Penggunaan Chromecast telah diumumkan pada 24 Julai 2013 untuk pasaran Amerika Syarikat manakala aplikasi mudah alih bagi Chromecast pula dikeluarkan pada 19 Oktober 2013. Chromecast boleh didapati dengan harga sebanyak RM115 (USD 35) namun pengguna di Malaysia masih tidak disediakan kemudahan pembelian Chromecast secara terus melalui laman Google ketika ini. Pembelian Chromecast bagi pengguna di Malaysia boleh dilakukan melalui pihak ketiga.

RINGKASAN SPESIFIKASI

**Android 2.3, iOS 6, Windows 7,
Mac OS 10.7, Chrome OS**
(minimum)

Output Video: 1080p

34 gram

WiFi

Power: USB



PROGRAM / KURSUS ICT

Bahagian K-Ekonomi dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk merancang dan melaksanakan kursus-kursus ICT khusus buat rakyat Negeri Melaka. Kursus ini tidak dikenakan bayaran kerana ianya ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Melaka

PELAKSANAAN PROGRAM / KURSUS ICT BULAN MAC 2014

Latihan Pembangunan Animasi 2D: Adobe Flash	8hb Mac 2014	SMK Munshi Abdullah
Klinik Harta Intelek Siri II/2014	12hb Mac 2014	Pusat Tuisyen, Tingkat 6 Pusat ICT Negeri, UTC
Internal Auditor: ISO 27001	18hb - 19hb Mac 2014	Pusat ICT Negeri Melaka (UTC)
Latihan Suntingan Video: Corel Video Studio X4	20hb Mac 2014	Makmal Komputer SMK Tun Tijah
Latihan Pembangunan Animasi 2D: Adobe Flash	20hb Mac 2014	Makmal Komputer SMK Tun Tijah
Latihan Pembangunan Animasi 3D: Google SketchUp	20hb Mac 2014	Makmal Komputer SMK Tun Tijah
Program eMelaka JKKK Kampung Air Tawar Merlimau	22hb - 23hb Mac 2014	Balairaya JKKK Kampung Air Tawar
Latihan Suntingan Video: Corel Video Studio X4	24hb Mac 2014	Makmal Komputer SMK Datuk Hj. Talib Karim
Latihan Pembangunan Animasi 2D: Adobe Flash	25hb Mac 2014	Makmal Komputer SMK Datuk Hj. Talib Karim
Latihan Asas Komputer & Internet	25hb Mac 2014	Makmal ICT Perdana Incubator K-Ekonomi
Latihan Pembangunan Animasi 3D: Google SketchUp	26hb Mac 2014	Makmal Komputer SMK Datuk Hj. Talib Karim
Bengkel Rekabentuk Grafik: Adobe Photoshop	26hb Mac 2014	Pusat ICT Negeri Melaka (UTC)



Klinik Harta Intelek Siri II/2014 @ UTC Melaka
12hb Mac 2014



Program eMelaka @ Kampung Air Tawar, Merlimau
22hb - 23hb Mac 2014



Kursus Media Bersiri di SMK Tun Tijah
20hb Mac 2014



Kursus Media Bersiri di SMK Dato' Hj. Talib Karim
25hb Mac 2014



Latihan Asas Komputer dan Internet @ K-Ekonomi
25hb Mac 2014



Bengkel Rekabentuk Grafik: Adobe Photoshop
26hb Mac 2014

* Semua jenis program/kursus ICT yang dianjurkan oleh Bahagian K-Ekonomi adalah PERCUMA

Google

Malaysia

ANTARA SENARAI PRODUK MILIK GOOGLE

Google Search

I'm Feeling Lucky



Android

www.android.com



Blogger

www.blogger.com



Chromium

www.chromium.org



Dart

www.dartlang.org



Google+

plus.google.com



Gmail

mail.google.com



Google Calendar

google.com/calendar



Google Chrome

google.com/chrome



Google Drive

drive.google.com



Google Docs

docs.google.com



Google Earth

earth.google.com



Google Hangouts

google.com/hangouts



Google Maps

maps.google.com



Google News

news.google.com



Google Play

play.google.com



Google Search

www.google.com



Google Translate

translate.google.com



Google TV

www.google.com/tv



Google Voice

google.com/voice



Google Wallet

wallet.google.com



Orkut

www.orkut.com



Panoramio

www.panoramio.com



Picasa

picasa.google.com



Waze

www.waze.com



reCAPTCHA

google.com/recaptcha



YouTube

www.youtube.com